

Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz

Azman C.M.^{1*}, Wan Ainun Sailah W. A.², Azarudin A.³,
Wan Noor Hazlina W. J.⁴

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan
Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Terbuka Malaysia,
21200 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

^{3,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu

*Pengarang Penghubung
azman531@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kaedah hafazan al-Quran merupakan amalan yang dilakukan oleh para penghafaz al-Quran untuk menguasai hafazan al-Quran yang lengkap, iaitu 30 juzuk. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk dipelajari sendiri mahupun apabila disampaikan oleh guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah dan juga tahap amalan kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar IMTIAZ. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif-deskriptif dari aspek jenis data yang dipilih dan kaedah analisis. Instrumen kajian ini adalah soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik mengikut konstruk yang dirujuk berdasarkan kaedah hafazan al-Ghawthāni (1998). Kajian ini mendapati bahawa tahap amalan kaedah hafazan dalam kalangan responden secara umumnya adalah tinggi, namun ada sebahagian kaedah yang mendapat maklum balas yang rendah dan memerlukan perhatian.

Kata Kunci: *Kaedah, Hafazan, Al-Quran, Amalan*

ABSTRACT

The Quranic Memorization method is the practice performed by the Quranic memorizer to master the complete Quran recitation, which are 30 chapters. Various methods are used by students to learn on their own or when delivered by teachers. This study aimed to identify methods implied and the level of practice of the Quranic memorization method among IMTIAZ students. The quantitative-descriptive approach was used in data collection and its analysis. Data were collected in this study through survey where questionnaire was developed by the researcher imitated on the constructs based on al-Ghawthāni (1998) memorization's method. This study showed that level of practice of the method is generally high of excellence among respondents, but there are some methods that get low feedback and need attention.

Keywords: *Methods, Memorization, Al-Quran, Practice*

PENDAHULUAN

Allah berfirman dalam surah al-Hijr (15: 9) yang bermaksud “*Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran dan kamilah yang benar-benar memeliharanya.*” Ayat al-Quran ini merujuk kepada jaminan Allah SWT yang menunjukkan bahawa al-Quran terus terpelihara daripada hilang, cacat dan binasa. Pemeliharaan dalam ayat di atas juga merujuk kepada perekodan al-Quran secara bertulis mahupun dilakukan melalui hafazan secara lisan. Oleh itu, dalam tradisi lisan, pemeliharaan al-Quran berlaku secara ingatan hafazan dan Nabi Muhammad SAW ialah insan yang pertama memelihara perekodan al-Quran secara hafazan. Justeru itu, baginda digelar *Saiyidul-Huffaz*, iaitu penghulu bagi penghafaz al-Quran. Golongan sahabat kebanyakannya menghafaz al-Quran. Mereka menghafaz seluruh al-Quran, dan ada antaranya yang menghafaz sebahagiannya sahaja. Bahkan setiap muslim dituntut agar menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya cukup untuk dibaca ketika dalam solat.

Hifz dari segi bahasa Arab bermaksud memelihara dan menjaga. Justeru, orang yang menghafaz al-Quran ialah orang yang memelihara al-Quran daripada hilang. Seseorang yang menghafaz al-Quran, menyimpannya di dalam dada, dan selalu membacanya supaya tidak hilang (Sinar Harian,

2012). Selain itu, menurut Ibrahim Abdul Munim (2011), perkataan *al-Qira'ah* sebagaimana yang terdapat dalam sumber-sumber hadith merujuk kepada membaca mushaf al-Quran¹ atau membaca tanpa melihat mushaf, atau kedua-duanya.

Penghafazan (*memorization*) dilihat daripada perspektif neurosains melibatkan proses pembelajaran, proses penyimpanan ingatan, proses pembentukan ingatan, proses pengeluaran kembali ingatan (*recall*) dan sebagai bukti kemampuan kognitif luar biasa yang berpusat di otak manusia. Ingatan jangka pendek (*Short term memory*) mempunyai kapasiti terhadap, masa singkat dan dalam keadaan separuh sedar. Manakala ingatan jangka panjang (*long term memory*) pula mempunyai kapasiti yang tidak terhadap, penyimpanan kekal dan maklumat akan teraktif apabila dirangsang (Mohaidi, 2010). Justeru itu, dalam kaedah hafazan al-Quran, teori yang dijelaskan di atas dapat dicapai dengan kaedah-kaedah yang tersusun dan dipraktikkan secara berterusan. Sebagai contoh kaedah ulangan (secara latih tubi, harian dan mingguan) bertujuan untuk memperolehi ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang. Kaedah ini pula banyak disyorkan oleh pakar-pakar tahfiz dalam pelbagai aliran.

PROGRAM TAHFIZ AL-QURAN IMTIAZ

Institusi yang mengelolakan program hafazan al-Quran di Malaysia telah pun lama bermula seperti pengajian pondok dan dikenali sebagai pusat atau institusi tahfiz. Namun secara rasminya, institusi tahfiz yang pertama di Malaysia dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman al-Haj. Pada masa sekarang, Institusi tahfiz yang berdaftar di Malaysia dianggarkan berjumlah 618 buah (Harian Metro, 2017).

Selanjutnya, pada tahun 1996, mantan Menteri Pendidikan Malaysia, iaitu Dato' Seri Idris Jusoh menginspirasikan Sekolah Menengah IMTIAZ kepada idea yang berasaskan kepada tahfiz sains, iaitu program hafazan al-Quran yang disepadukan dengan pembelajaran subjek-subjek sains. Hal ini berbeza daripada institusi tahfiz yang konvensional, iaitu tahfiz al-Quran hanya merangkumkan subjek-subjek agama sahaja dalam kurikulumnya.

¹ Mushaf bermaksud salinan al-Quran secara bertulis dengan beberapa gaya tulisan. Di Malaysia mushaf yang biasa digunakan ialah mushaf Rasm Uthmani dengan khat Nasakh.

Kewujudan Sekolah Menengah IMTIAZ telah mewarnai sebahagian daripada rekod kecemerlangan pendidikan negara hasil kejayaan para pelajarnya. Hal ini sekali gus menolak tanggapan bahawa hafazan al-Quran boleh mengganggu dan melemahkan prestasi pelajar dalam pembelajaran yang lain (Muhaidi Mustafa, 2010). Hal ini membuktikan bahawa wujudnya korelasi antara prestasi pencapaian subjek oleh pelajar dengan amalan kerohanian, khususnya penghafazan al-Quran.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, pencapaian hafazan al-Quran di IMTIAZ telah mencapai sasaran dengan pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak yang berkaitan dengan pembangunan program al-Quran. Salah satu faktor utama yang menjadi penyumbang kepada keberhasilan hafazan pelajar ialah kaedah hafazan yang dipraktikkan dalam program ini. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar IMTIAZ serta mengukur tahap amalan kaedah hafazan mereka.

SOROTAN LITERATUR

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas untuk mendapatkan gambaran umum dan meneliti aspek-aspek yang berkait langsung dengan objektif kajian, sama ada kajian sebegini telah dilakukan atau sebaliknya. Pengkaji telah menemui beberapa kajian lepas yang berkaitan, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd Ali bin Abu Bakar (1990) yang bertajuk Penggunaan Buku Seni Lagu al-Quran di Malaysia dengan responden kajian adalah terdiri daripada pelajar sekolah-sekolah menengah agama dan pusat-pusat pengajian tinggi. Kaedah penyelidikan dilaksanakan adalah untuk menyemak data dengan mengumpulkan analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian ini telah menunjukkan peningkatan pencapaian yang cemerlang dalam kalangan pelajar setelah menggunakan buku seni lagu al-Quran.

Selanjutnya, Abdul Hafiz Abdullah. (2004) dalam kajiannya bertajuk keberkesanan kaedah hafazan di Pusat Tahfiz al-Quran, Pulau Chondong, Kelantan telah mencipta kaedah yang mampu menemui satu pendekatan cara hafazan yang berkesan bagi membantu tahfiz melahirkan lebih ramai hufaz al-Quran. Beberapa set soal selidik diedarkan di samping data-data dari temuramah dan pemerhatian di pusat tahfiz tersebut turut digunakan.

Kajian ini melibatkan sebanyak 204 pelajar dari Maahad Tahfiz al-Quran, Pulau Chondong, Kelantan. Seramai 103 orang (25%) menyatakan mereka pernah menghafaz al-Quran sebelum ini, sementara 101 orang (24%) lagi tidak pernah menghafaz.

Kajian yang dilakukan oleh Mohammad Zulkifli Abd Rahman (2017) pula menyimpulkan bahawa perlunya mempelajari keajaiban bahasa al-Quran sebagai satu ilmu yang ada kaitan dengan kefahaman dalam hafazan al-Quran. Dapatan kajian di atas disokong oleh kajian yang dijalankan oleh al-Syarbini (2011) yang menyatakan bahawa kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz serta menambahkan kekhusyukan dalam menghafal ayat al-Quran.

Kaedah Hafazan al-Quran al-Ghawthāni

Kajian ini secara khusus mengadaptasi kaedah hafazan yang disarankan oleh al-Ghawthāni (1998). Tokoh ini merupakan seorang hafiz yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang hafazan al-Quran. Karya beliau yang menjadi rujukan kepada kajian ini berjudul *Kayfa Tahfaz al-Quran: Qawā'id Asāsiyyah wa Turuq 'Amaliyyah*. Buku ini telah dicetak beberapa kali sejak tahun 1994 dan diedarkan secara percuma ke 30 buah negara Islam di seluruh dunia. Buku ini juga telah diterbitkan secara atas talian dan boleh dimuat turun dari laman sesawang seperti <http://k-tb.com/book/Quraan03768D> dan <https://islamhouse.com/ar/books/411768/>

Beliau membahagikan kaedah hafazan al-Quran kepada 16 kaedah, 21 teknik dan tiga amalan. Namun pengkaji telah membuat penyesuaian semula dengan merubah dan menyusun kaedah-kaedah yang difikirkan bersesuaian dengan objektif kajian. Oleh yang sedemikian, berdasarkan saranan yang dikemukakan oleh al-Ghawthāni, pengkaji telah membahagikan kaedah hafazan kepada tiga fasa utama, iaitu sebelum, semasa dan selepas seperti berikut:

Sebelum Memulakan Hafazan

A. *Niat*

Hadith daripada Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a berkata, saya mendengar Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “*Segala amalan itu berdasarkan kepada niat*” (Hadits Riwayat Bukhari dan Muslim). Justeru, berpandukan kepada hadis tersebut, boleh dikatakan bahawa setiap orang memperoleh sesuatu mengikut apa yang seseorang niatkan. Dalam konteks pendidikan, seorang pelajar perlulah mempunyai niat yang betul serta ikhlas dalam memulakan hafazan al-Quran, kerana dengan niat yang ikhlas dapat membantu hafalan yang telah disasarkan untuk menjadi seorang hafiz dan hafizah. Seterusnya, daripada Amirul Mu’minin Abu Hafs, Umar bin Al-Khattab Radhiallahu’anhu, katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Sesiapa yang niat hijrahnya adalah kerana Allah dan Rasul-Nya maka (ganjaran) hijrahnya adalah kepada Allah dan Rasul-Nya dan begitulah sebaliknya, sesiapa yang niat apa yang dihajati ia akan peroleh kepada apa yang diniatkan*” (Hadits Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maka pelajar perlulah membetulkan niat sebelum memulakan hafazan al-Quran terutamanya untuk mencari keredhaan Allah semata-mata. Antara amalan yang paling penting ialah yang berkaitan dengan agama kerana agama bukan sahaja memberi kebaikan untuk kehidupan dunia sahaja malah ia adalah amalan membawa ke akhirat. Kalaulah perkara dunia perlukan kepada keikhlasan dalam niat maka perkara akhirat adalah lebih patut diberikan penekanan ini. Dengan itu, niat merupakan perkara yang amat penting kerana niat yang menentukan tujuan sesuatu amalan yang dilakukan agar dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

B. *Mula Awal*

Mengajar anak-anak menghafaz al-Quran jauh lebih mudah berbanding melatih diri sendiri terutama bagi golongan yang sudah berumur untuk menghafal ayat-ayat yang sama. Mengambil kira anak-anak kecil mudah dibentuk dan dilentur, pastinya bacaan ayat-ayat al-Quran

memberikan respon yang cukup besar kepada perkembangan kognitif bayi. Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Nurhayati binti Ismail (1997), bayi yang berusia 48 jam yang diperdengarkan ayat-ayat al-Quran daripada perakam suara menunjukkan respon tersenyum dan menjadi lebih tenang. Anak yang sering kali diperdengarkan bacaan al-Quran sejak kecil berpotensi untuk celik al-Quran dengan mudah.

Justeru, pada usia sebegini, ibu bapa memainkan peranan bagi membentuk anak-anaknya untuk menjadi seorang hafiz atau hafizah yang berjaya. Ibu bapa perlu memperdengarkan anak-anak dengan bacaan daripada qari yang sama, kerana anak dapat menghafaz dengan intonasi dan lengguk qari yang mereka kerap dengar, dan sekiranya ibu bapa kerap kali bertukar qari, sudah pasti itu akan mengganggu daya ingatan anak pada surah yang sedang mereka hafaz. Untuk itu, pelajar perlulah mempunyai minat daripada awal menghafal al-Quran agar proses hafazan yang dilakukan memberi natijah yang baik.

C. *Naskhah Khas*

Seorang pelajar penghafaz al-Quran perlu mempunyai naskhah khas untuk dirinya. Naskhah khas ini penting dalam membantu pelajar membaca ayat al-Quran dan menghafalnya supaya tidak terkeliru sama ada kerana bentuk tulisan atau kedudukan ayat yang tak sama kedudukannya dalam satu-satu halaman. Menurut Abdullah al-Qari (1995), menukar mushaf yang biasa digunakan untuk menghafaz kepada mushaf yang lain, kedudukan dan susunan ayat serta muka suratnya akan menyebabkan hafazannya menjadi bercelaru.

Mushaf Uthmani sebagai contoh mempunyai banyak kelebihan, antaranya ialah mengikut Sunnah Rasulullah SAW, mengikut tulisan al-Quran yang asal, boleh memahami makna yang berlainan dengan tidak terkeluar daripada maksud yang sebenar, memudahkan bacaan dengan wajah qiraat (jenis-jenis bacaan) dan sebagai hujah kepada bahasa al-Quran yang fasih. Selain itu, versi mushaf ini juga dipersetujui oleh lebih 12,000 orang sahabat, salah satu dari mukjizat al-Quran, dan bertepatan dengan riwayat bacaan mutawatir (Kementerian Dalam Negeri, 2013). Tambahan pula, salah satu daripada rukun bacaan al-Quran, ia berdasarkan kepada dalil-dalil yang kuat dan hujah-hujah

yang jelas, ditulis mengikut bacaan riwayat serta mengandungi rahsia dalam mengekal dan menggugurkan huruf. Justeru itu, banyak kelebihan Mushaf Uthmani yang mana dapat membantu memudahkan para pelajar untuk menghafal al-Quran dengan jayanya.

D. *Perbetul Bacaan*

Imam al-Syafie pernah berkata “*Hendaklah membetulkan bacaan ayat al-Quran dengan apa cara sekalipun*” (al-Muzani, 1998). Hal ini benar sekali kerana membaca al-Quran dengan cara yang betul seperti sebutan makhraj huruf, hukum tajwid dan menurut *qiraat* yang khusus adalah tuntutan dan termasuk dalam adab membaca al-Quran. Maka bagi seorang hafiz, bacaan yang betul amat penting kerana ia bertujuan untuk kekal dalam ingatan dan dibaca bila-bila masa dengan cara yang betul.

E. *Kuat Kemahuan dan Teruja*

Setiap pelajar perlu mempunyai keazaman yang tinggi untuk menghafal ayat-ayat al-Quran dan kerap melakukan tasmi’ pada setiap hari. Dengan adanya kemahuan, seseorang pelajar akan dapat memperoleh apa yang diinginkan tanpa adanya paksaan daripada orang lain. Menurut Ammar Haitsam Bugis (2012), keupayaan seseorang menghafal dengan cepat boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja sekiranya mereka ada kemahuan dan bersemangat tinggi. Beliau berkata “*Menghafal harus ikut kemahuan dan diamalkan setiap hari. Lebih baik menghafal lima ayat sehari daripada 100 ayat dan berhenti untuk beberapa hari. Sesiapapun boleh menghafal.*”

F. *Hubungan dengan Guru*

Seorang hafiz perlulah mempunyai sikap yang memuliakan, menghormati dan tawadhu’ kepada guru. Sebagai pelajar, guru harus diperlakukan lebih daripada orang pada umumnya, kerana mereka adalah pilihan pelajar (Syeikh Burhanuddin az-Zarnuji, 2016). Hal ini adalah kerana, para guru yang mengajar kebaikan kepada manusia akan didoakan oleh Allah dan penghuni langit dan bumi. Mengambil kira guru merupakan ulama yang menjadi pewaris nabi, justeru peranan

guru begitu besar untuk mengangkat murid daripada belenggu kejahilan. Sikap tawadhu' kepada guru merupakan satu kemuliaan yang perlu ada dalam diri seorang pelajar. Oleh kerana itu, hak seorang guru terhadap diri pelajar adalah mendapat penghormatan, didengarkan, tidak meninggikan suara di atas suaranya, dan tidak merendhaknya. Begitu juga, pelajar perlulah mematuhi segala nasihat-nasihat yang baik daripada gurunya. Guru juga mengambil tempat sebagai orang tua dalam hal mendidik atau membuat anak-anak beradab. Pelajar hendaklah menghormati, memuliakan dan mengagungkan guru kerana Allah serta menyenangkan hati guru dengan cara yang terbaik meskipun guru tiada di hadapan pelajar (Zamri Mat Isa, 2005).

Semasa Menghafaz

A. Waktu

Waktu yang paling tepat untuk menghafal al-Quran adalah di pagi hari setelah solat subuh. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Diberkati bagi umatku pada pagi hari.”* (HR. Ibnu Hibban). Seterusnya, satu jam sebelum tidur dibaca dengan suara dan hati yang tenang. Penemuan ilmiah menyebut bahawa antara waktu yang paling bagus untuk menghafal al-Quran adalah beberapa minit sebelum tidur. Hal ini kerana, pada waktu itu suasananya sangat tenang dan fikiran sedang bersih dari segala yang difikirkan. Namun begitu waktu maghrib juga adalah sesuai untuk belajar (Syeikh Burhanuddin az-Zarnuji, 2016) dan juga menghafaz al-Quran. Selain itu, ketika bangun malam amat sesuai untuk menghafaz al-Quran. Allah SWT berfirman, maksudnya: *“Sesungguhnya bangun di waktu malam adalah lebih tepat, iaitu khusyuk dan bacaan ketika itu adalah lebih berkesan.”* (al-Muzammil: 6).

B. Tempat

Menurut Anas Ahmad Karzun (2006) amat wajar pemilihan tempat-tempat yang jauh daripada kebisingan dan gemerlap lampu, hal ini kerana suasana sebegini dapat mengganggu fikiran. Berdasarkan kenyataan di atas seorang hafiz perlulah menghafal al-Quran dalam suasana yang tenang dan nyaman untuk memudahkan individu tersebut,

kita memberi perhatian ketika melakukan hafazan. Seorang hafiz juga perlulah menghindari tempat yang menyebabkan tumpuannya hilang semasa menghafaz al-Quran. Contohnya, tempat yang banyak hiasan gambar, kawasan orang lalu lalang dan lain-lain lagi. Dalam perihal ini, Hayes-Roth, B., & Hayes-Roth, F. (1977) menyebut bahawa seseorang yang ingin melakukan hafazan perlulah memilih lokasi sesuai yang boleh menenangkan akal fikiran dari sebarang gangguan serta memudahkan ingatan. Antara ciri-ciri tempat yang sesuai adalah bersih dan suci daripada kotoran dan najis. Selain itu, jauh daripada kebisingan serta sebarang gangguan-gangguan termasuk gangguan telefon bimbit, duduk di persekitaran ruang tamu dan tempat yang tertutup.

C. *Tajwid dan Berlagu*

Tajwid adalah memperelok dan melafazkan setiap huruf dengan memberi hak dan mustahaknya. Manakala, lagu pula dikenali dengan istilah “*tarannum*” atau “*al-Han*” dan “*al-Ghina*”. Membaca al-Quran secara berlagu adalah digalakkan dalam Islam. Banyak hadis yang menggesa umat Islam agar membaca al-Quran dengan berlagu, seperti hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud: “*Allah tidak mengizinkan terhadap sesuatu sebagaimana yang diizinkan-Nya kepada Nabi s.a.w., agar berlagu di dalam membaca al-Quran.*” (Sahih al-Bukhari: no. 5023, 5024).

Selanjutnya, Ibn Bathal menceritakan bahawa galakan membaca al-Quran secara berlagu itu disokong oleh hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdul Alla dari Muammar daripada Ibn Syihab, yang bermaksud: “*Sesuatu yang diizinkan kepada Nabi s.a.w ialah berlagu ketika membaca Al-Quran.*” (Sahih Muslim: no. 232).

Menurut al-Makki (2006), al-Tabari menjelaskan bahawa *tarannum* atau berlagu itu tidak berlaku kecuali dengan suara yang membolehkan qari memperelok dan mengalunkan suaranya ketika membaca al-Quran. Manakala, Ibnu Hajar al-Asqalāni (1250H) menyatakan bahawa membaca al-Quran secara berlagu sesuai dengan kehendak jiwa dan selaras dengan bentuk ragam ayat al-Quran itu sendiri.

D. Hafazan Harian

Semasa proses menghafaz, seseorang itu hendaklah mengusahakan supaya ayat-ayat yang dihafaz diulang setiap hari tanpa melihat mushaf dengan memastikan permulaan ayat dan pengakhirannya. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para penghafaz mengingat dengan lebih berkesan dan dapat bertahan dalam tempoh yang lebih lama. Para penghafaz juga perlulah mempunyai jadual harian untuk melakukan hafazan dengan menetapkan ayat yang ingin dibaca. Justeru, Norhanan binti Abdul Rahman (2009) mengatakan bahawa hafalan al-Quran terlalu mudah untuk hilang daripada ingatan kecuali mereka yang benar-benar memastikan pemeliharannya. Menghafal ayat-ayat al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi agar sasaran ayat yang dibaca dapat dicapai dengan baik.

E. Perlahan dan Tenang

Seterusnya, para penghafaz perlulah menghafaz dengan tenang dengan memilih masa yang sesuai. Ini kerana menghafal pada masa tenang dapat memudahkan lagi ingatan apa yang telah dihafaz. Masa yang paling tenang sesuai bagi seorang pelajar menghafaz al-Quran adalah selepas solat subuh dan asar. Bagaimanapun ini bergantung kepada keselesaan individu itu sendiri. Kajian yang dilakukan oleh Fatimah Ibrahim (2008) mendapati ibadah solat menghasilkan keadaan tenang kepada otak. Ketenangan maksimum dapat dicapai apabila seseorang berada dalam keadaan sujud bahkan sebahagian pengkaji mendapati ketenangan terhasil mungkin akibat daripada perlakuan *tamakninah*.

Kaedah hafazan al-Quran boleh diterapkan dalam solat kerana solat mempunyai ciri-ciri yang mampu menghasilkan gelombang minda seseorang muslim perlu berada dalam keadaan berdiri dan perlu membaca bacaan ayat-ayat al-Quran. Bahkan dalam setiap pergerakan dalam solat perlu disertakan dengan bacaan-bacaan zikir tertentu.

F. Fokus Ayat Hampir Sama

Cabaran besar dalam menghafaz al-Quran adalah apabila berhadapan dengan ayat-ayat yang hampir sama lafaznya (al-Ghawthāni, 1998).

Justeru, bagi para penghafaz al-Quran, seseorang itu bolehlah mengfokuskan ayat yang sama supaya mudah mengingat ayat selepasnya dengan betul dan tidak disambungkan dengan ayat yang lain. Al-Ghawthāni (1998) seterusnya menyarankan pelajar supaya mendapat bimbingan guru untuk mengatasi masalah ini, ataupun merujuk kepada buku-buku yang membincangkan jenis-jenis ayat yang mirip lafaznya seperti karangan al-Karmāni, “al-Burhān fi Mutashābihāt al-Qur’ān”.

G. *Tumpu Halaman*

Menurut Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim (2008) setiap penghafaz memiliki suatu metode yang tersendiri di dalam menghafaz al-Quran. Dengan demikian, setiap penghafaz perlu memilih cara yang lebih berkesan, singkat masanya dan tahan lebih lama hafazannya. Hal ini bersesuaian dengan kemampuan dan persediaan diri dari aspek mental dan psikologi. Selain itu, persekitaran juga mempengaruhi kesesuaian kaedah hafazan sendiri seseorang. Teknik tumpu dan ingat adalah sangat penting dalam memastikan sesuatu hafazan yang telah dihafal mampu diingati. Melalui teknik ini, pelajar perlulah menumpukan penglihatan kepada ayat, muka surat dan lebaran. Pelajar juga perlu pejamkan mata dan cuba menghayati ayat-ayat al-Quran menggunakan kekuatan minda. Sekiranya ingatan masih belum utuh, pelajar perlu buka mata semula dan tumpukan kembali kepada mushaf. Proses ini dilakukan secara berulang-ulang sehingga pelajar dapat melihat ayat atau mukasurat tersebut dengan mata tertutup.

H. *Faham Maksud*

Memahami maksud amat penting semasa menghafal ayat al-Quran. Kaedah kefahaman ayat merupakan kaedah untuk mengetahui kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Di samping itu juga kaedah penulisan turut berperanan dalam mengukuhkan hafazan terutama pada ayat-ayat yang sukar dihafaz. Apabila memahami maksud ayat dan makna kalimat, seseorang pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz dan dalam masa yang sama dapat menambahkan kekhusyukan dalam membaca ayat al-Quran.

Di samping itu, kaedah memahami *Asbab Nuzul* sebagaimana yang ditegaskan oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafal dan mengetahui *lnakan* membantu pelajar dalam menghafal dan meyakinkan ingatan. Manakala hasil kajian al-Qabisi (1955) dan Muhammad Muhsin (1994) menyatakan bahawa kaedah penulisan merupakan kaedah sokongan yang membantu serta mengukuhkan hafalan al-Quran. Hal ini kerana, penggunaan pelbagai deria dengan menggunakan tangan dalam menghafal al-Quran akan mengukuhkan ingatan pelajar terutama pada ayat yang susah.

Menurut Entwistle, N & Entwistle, D (2003) hafalan dan pemahaman akan menghasilkan kesan yang lebih berkualiti. Pentingnya dalam pembelajaran al-Quran ialah bagaimana untuk memastikan pengetahuan tersebut berharga untuk dilaksanakan dalam kehidupan yang sebenar dan kekal dalam ingatan. Seterusnya, meningkatkan pengekaln ingatan pelajar adalah hasil daripada peningkatan pemahaman dan motivasi pelajar. Pembelajaran adalah berdasarkan kepada semangat motivasi dan keyakinan yang mendalam hanya untuk Allah. Hafalan seseorang dapat kekal dengan sebaiknya adalah melalui pemahaman pengetahuan yang dihayati serta digunakan dalam kehidupan seharian.

Selepas Menghafaz

A. *Taat dan Tinggal Maksiat*

Anwar Fakhri bin Haji Omar (1996) menyatakan bahawa para penghafaz al-Quran perlu menjaga ketaatan dalam beragama agar hafazan mereka terpelihara dan kekal. Menjadi seorang hafiz ialah anugerah daripada Allah s.w.t. Mereka yang telah menjadi hafiz perlu taat akan segala perintah Allah dan janganlah melakukan maksiat serta sombong kepada Allah. Sebaliknya mensyukuri segala nikmat yang Allah s.w.t berikan kepada mereka dengan menjauhi sebarang bentuk maksiat.

Hafazan al-Quran akan dapat menerangkan hidup penghafaz jika dilandasi oleh hati yang bersih daripada kotoran takabur dan pelbagai kemaksiatan. Justeru itu, menghafaz al-Quran tidak mungkin dilakukan

oleh orang yang berhati kotor kerana kitab al-Quran adalah suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t, dibawa oleh malaikat, diberikan kepada Rasulullah s.a.w dan diturunkan ke tanah yang suci. Kekotoran hati ini mengikut perlakuan maksiat yang dilakukan oleh seseorang. Apabila hati sudah kotor maka hafalan terhadap al-Quran akan berkurangan sehinggalah ke peringkat hati yang hitam yang akan menjauhkan seseorang daripada mencintai al-Quran.

B. Melakukan Ulangkaji Secara Sistemik

Muraja'ah bermaksud mengulang kaji, iaitu kaedah pengulangan yang dibuat oleh para penghafal al-Quran untuk mengukuhkan lagi serta mengekalkannya dalam ingatan. Ini bertujuan bagi mengekalkan hafalan tersebut agar tidak hilang atau lupa daripada ingatan. Kaedah mengulang ini bergantung kepada kekuatan daya ingatan masing-masing. Seseorang yang mempunyai ingatan yang kuat, masa yang digunakan untuk mengulang adalah sedikit berbanding mereka yang lemah daya ingatan. Seterusnya, kekuatan mengulang bergantung kepada kekuatan daya ingatan yang dimiliki oleh seseorang. Ulang kaji sistemik dalam kaedah mengulang ini adalah menjadi tanggungjawab seorang hafiz untuk mengulang bacaan mereka setiap hari. Mereka perlulah betul-betul berdisiplin dan beristiqamah dalam mengulangi ayat al-Quran yang telah dihafal. Hal ini kerana, tanpa pengulangan ayat-ayat al-Quran, hafalan akan lupa secara beransur-ansur sekalipun seseorang itu mempunyai ingatan yang kuat.

Abu Najihat (2001) menyatakan bahawa sebaiknya seorang hafiz mempunyai keyakinan bahawa menjaga dan memelihara hafazan adalah suatu kewajipan istimewa yang ada hubungan secara langsung dengan Allah SWT, seterusnya, menjadi suatu kesalahan bagi seorang hafiz sekiranya mempunyai semangat bermusim dalam mengulangkaji hafazan. Jangan sesekali mengulang satu kali khatam dalam satu hari ketika rajin kemudian dalam masa yang lama tidak melakukan pengulangan kerana perasaan malas. Hal ini dapat menjejaskan hafalan serta mudah untuk melupakan hafazan yang telah dihafaz. Justeru itu, hal ini sangat penting untuk diambil berat oleh para penghafaz yang ingin berjaya dengan cemerlang serta mendapat syafaat di hari akhirat kelak.

C. Berdoa

Doa merupakan ibadah yang boleh dilaksanakan oleh mukmin di mana sahaja (al-Qahtāni, 2009). Doa merupakan sebab yang paling utama membantu dalam menghafaz al-Quran. Nabi Muhammad s.a.w bersabda: “Berdoalah kepada Allah dengan yakin akan dimakbulkan olehNya dan ketahuilah Allah tidak akan mengabulkan doa dari hati yang lalai”. Riwayat Al-Bukhari. Seterusnya, dalam berdoa mintalah keampunan. Seseorang itu lupa apa yang dihafal kerana dosa yang dilakukan. Oleh sebab itu, seorang hafiz perlu banyakkkan beristigfar. Ibnu Mas’ud r.a berkata: “Aku mengira seseorang itu lupa ilmu yang dia telah belajar kerana dosa yang dilakukan”. Justeru itu, banyakkkan berdoa terutamanya waktu mustajab berdoa seperti ketika berbuka puasa, selepas azan dan lain-lain lagi. Para penghafaz al-Quran perlulah juga membaca doa selepas menghafaz al-Quran:

“Ya Tuhanku, sesungguhnya aku bermohon kepada Mu agar diulangkan apa yang daku pelajari ketika aku memerlukannya dan janganlah Engkau melupakannya dan selawat ke atas junjungan nabi Muhammad s.a.w”.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Reka bentuk kajian juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses menganalisis, memungut dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. Kerlinger (1970) dan McMillan & Schumacher (1997) menyatakan reka bentuk kajian merujuk kepada cara penyelidikan mengendalikan kajian, dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca yang boleh mengganggu dapatan kajian.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang bertujuan untuk meneroka dan meninjau tahap amalan kaedah hafazan dalam kalangan responden kajian. Hal ini demikian, kerana kajian ini dapat memberi kemudahan kepada penyelidik dalam memperolehi gambaran keadaan sebenar yang berlaku di dalam kalangan responden yang dikaji. Dengan itu, kajian deskriptif secara asasnya bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas serta benar terhadap ciri-ciri yang terdapat dalam sesuatu populasi yang telah dikaji.

Populasi dan Persampelan

Menurut Mohd Yusof Ahmad (2005), populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Populasi juga merupakan objek atau peristiwa yang dikaji. Tambahan pula, populasi merupakan set semua individu, data atau item yang berkaitan kajian dan menggambarkan kedudukan keseluruhan setiap satu individu dalam sesuatu kelompok. Populasi sangat penting sehingga kita harus mengetahui dengan tepat dan jelas. Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003) menyatakan bahawa jika jumlah populasinya adalah kecil, penyelidik boleh menggunakan keseluruhan ahli sebagai sampel dan penyelidikan tersebut adalah sebuah kajian kes.

Menurut Sekaran (2000), persampelan merujuk kepada proses memilih jumlah elemen yang mencukupi daripada populasi supaya pemahaman terhadap sifat-sifat sampel dapat memungkinkan pengkaji membuat generalisasi terhadap sifat-sifat populasi sampel berkenaan bagi mendapatkan jumlah bilangan sampel yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidik telah merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Azizi Yahaya (2006). Sampel dalam kaedah persampelan merupakan satu subset populasi dan sampel berupaya mewakili keseluruhan populasi. Sampel atau responden-responden yang terpilih dalam soal selidik haruslah mengikuti beberapa kriteria dan juga berkaitan dengan isu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sampel merangkumi ahli-ahli daripada kumpulan kecil yang dipilih secara rawak daripada populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi. Menurut Mohd Majid Konting (1993), persampelan merupakan strategi penyelidikan, iaitu penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel.

Oleh itu, pengkaji telah memilih sebilangan pelajar daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian dan membolehkan maklumat diperolehi sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Disamping itu, prosedur persampelan adalah untuk memilih sampel dan menganggarkan parameter populasi berdasarkan ukuran statistik yang diperolehi daripada sampel. Contohnya, pelajar Imtiaz tingkatan empat dan lima mempunyai populasi seramai 186 orang dan persampelan yang telah dipilih adalah seramai 60 orang, iaitu 30 orang daripada pelajar tingkatan empat dan 30 orang pelajar daripada tingkatan lima. Hal ini demikian kerana, maklumat populasi kajian penting untuk menentukan teknik persampelan yang sesuai dan membina kerangka sampel serta menentukan bilangan sampel yang perlu diambil untuk mewakili sesuatu populasi.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan oleh pengkaji ketika menjalankan sesuatu penyelidikan. Instrumen kajian digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Bagi memperoleh maklumat daripada respons, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pelajar tingkatan empat seramai 30 orang pelajar dan tingkatan lima seramai 30 orang pelajar di Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu. Borang soal selidik yang direka bentuk mempunyai objektif yang sama dan diagihkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian A mengandungi maklumat demografi dan bahagian B mengandungi maklumat kaedah hafazan al-Quran yang berpandukan kepada kaedah hafazan al-Ghawthāni (1997). Justeru itu, pengkaji telah memilih skala pengukuran yang berbentuk skala lima mata, iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, bersetuju dan tidak bersetuju. Item soal selidik kajian ini juga bersandarkan komponen ASK, iaitu *attitude* (sikap), *skill* (kemahiran) dan *knowledge* (pengetahuan). Menurut Bakarman (2005), setiap komponen ini mempunyai fungsi yang tersendiri. Bagi kajian ini, setiap komponen ASK ditafsirkan menurut turutan berikut, iaitu komponen pengetahuan bagi mengukur tahap pengetahuan responden terhadap kaedah hafazan yang dipelajari atau didedahkan. Komponen sikap pula untuk mengukur tahap sikap terhadap kaedah-kaedah hafazan seperti minat, yakin dan memilih, dan komponen kemahiran disesuaikan dengan amalan, iaitu sejauh mana

amalan terhadap kaedah-kaedah hafazan itu dilakukan. Hal ini dapat menilai tahap penguasaan kaedah hafazan al-Quran responden berdasarkan tiga tahap seperti jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pengukuran Tahap penggunaan Kaedah hafazan al-Ghawthāni (1997)

Tahap	Skala	Inteprestasi
1	4-5	Sangat tinggi
2	3	Sederhana
3	1-2	Sangat rendah

Akhir sekali, kajian ini juga dikategorikan sebagai kajian kes. Menurut Cresswell (2008), kajian kes merupakan salah satu bentuk kajian etnografi yang berkaitan dengan program, peristiwa atau aktiviti yang melibatkan individu. Dalam penjelasannya lagi, Cresswell menegaskan kajian kes menyelidiki sesuatu secara mendalam bagi mengenal pasti apa, mengapa dan bagaimana sesuatu kes itu berlaku.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan data yang telah dikutip daripada responden kajian. Oleh itu, bagi melancarkan perbincangan ini, setiap bahagian daripada soal selidik dikupas mengikut turutan berikut, iaitu demografi, tahap amalan kaedah sebelum menghafaz, semasa menghafaz dan selepas menghafaz.

Jadual 2: Demografi Responden

Bil.	Kategori	Pembahagian	Kekerapan	Peratus
1	Jantina	Lelaki	28	46.7
		Perempuan	32	53.3
2	Tahap	Ting. Empat	28	46.7
		Ting. Lima	32	53.3

Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz

3	Asal	Bandar	39	65.0
		Kampung	21	35.0
4	Pencapaian	16-20 Juzuk	2	3.3
		21-25 Juzuk	3	5.0
		26-30 Juzuk	55	91.7

Jadual 2 di atas menunjukkan demografi responden, iaitu responden lelaki adalah 46.7% dan perempuan pula 53.3%. Tahap pengajian pula meliputi tingkatan empat, iaitu 46.7% dan tingkatan lima pula sebanyak 53.3%. Asal responden dari Bandar adalah 65% berbanding dari kampung sebanyak 35% sahaja. Dari segi pencapaian hafazan pula sebanyak 91.7% responden telah mencapai 26-30 juzuk, 5% mencapai 21-25 juzuk dan 3.3% hanya mencapai 16-20 juzuk sahaja. Oleh itu, boleh dikatakan kebanyakan responden telah khatam dan akan khatam hafazan dalam masa yang terdekat. Bagi maklum balas tahap amalan kaedah hafazan sebelum memulakan hafazan, jadual 3 di bawah memaparkan dapatan soal selidik yang diterima daripada responden. Terdapat 30 item soal selidik yang mengukur tiga dimensi berikut, iaitu pengetahuan, sikap dan amalan.

Jadual 3: Amalan Kaedah al-Ghawthāni (1997) Sebelum Menghafaz al-Quran

Bil.	Item	Min	Max	Mean	Sisih Piawai
1	Saya tahu niat amat penting sebelum melakukan sesuatu amalan	5.00	5.00	5.0000	.00000
2	Saya yakin niat yang baik akan mendapat pahala	5.00	5.00	5.0000	.00000
3	Saya percaya niat yang betul boleh mendorong saya sentiasa berusaha	5.00	5.00	5.0000	.00000
4	Saya menjauhi perasaan riak dan takabur sebelum menghafaz al-Quran	4.00	5.00	4.9167	.27872
5	Saya berniat demi Allah untuk menghafaz al-Quran	4.00	5.00	4.9833	.12910
6	Saya tahu menghafaz awal sejak kecil amat bagus	5.00	5.00	5.0000	.00000

7	Saya yakin memulai hafazan sejak kecil lebih mudah	5.00	5.00	5.0000	.00000
8	Saya patut menghafaz ketika masih muda	4.00	5.00	4.9167	.27872
9	Saya didorong oleh ibubapa untuk menghafaz al-Quran	4.00	5.00	4.9000	.30253
10	Saya mula menghafaz sejak kanak-kanak lagi	4.00	5.00	4.9500	.21978
11	Saya tahu memiliki naskhah khas al-Quran penting untuk tujuan menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
12	Saya yakin dengan menggunakan satu naskah, membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
13	Saya perlu memiliki satu naskhah khas untuk hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
14	Saya menggunakan satu naskhah al-Quran sahaja untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
15	Saya menggunakan cetakan al-Quran tulisan mushaf Uthmani	5.00	5.00	5.0000	.00000
16	Saya tahu bacaan yang betul penting sebelum memulakan hafazan	4.00	5.00	4.9000	.30253
17	Saya suka jika guru membetulkan bacaan al-Quran saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
18	Saya akan pastikan bacaan saya betul sebelum memulakan hafazan	4.00	5.00	4.8833	.32373
19	Saya mesti membetulkan sebutan dan bacaan saya untuk menghafaz	4.00	5.00	4.9833	.12910
20	Saya membaca dengan betul setiap kali memulakan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
21	Saya tahu kemahuan dan teruja menghafaz al-Quran penting untuk berjaya	5.00	5.00	5.0000	.00000
22	Saya perlu mempunyai kemahuan dan teruja untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
23	Saya percaya kemahuan boleh mendorong saya untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
24	Saya mempunyai kemahuan dan teruja untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
25	Saya menyemai kemahuan dan teruja untuk menghafaz	4.00	5.00	4.9833	.12910

Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz

26	Saya tahu guru amat penting untuk membantu kejayaan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
27	Saya yakin guru yang baik boleh membimbing hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
28	Saya wajar mendapat guru hafazan yang baik untuk membimbing	5.00	5.00	5.0000	.00000
29	Saya mempunyai guru-guru hafazan yang berkeelayakan untuk membimbing	5.00	5.00	5.0000	.00000
30	Saya banyak mendapat bantuan bimbingan daripada guru hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
N		60			

Berdasarkan jadual purata di atas, secara keseluruhan tahap amalan kaedah hafazan al-Ghawthāni (1998) sebelum memulakan hafazan dalam kalangan responden adalah tinggi, iaitu di antara skala empat dan skala lima. Namun, pengkaji mendapati ada juga jawapan yang berada di skala empat yang memerlukan perhatian, iaitu item 5, 8, 9, 10, 16, 18, 19 dan 25. Bagi item 5, purata yang diperolehi adalah 4.9833 dengan sisih piawai .12910 dengan soalan yang melihat dimensi amalan pada membetulkan niat menghafaz adalah kerana Allah. Bagi soalan kategori niat ini, boleh dianggap bahawa ada juga responden yang tidak sepenuhnya mengakui tujuan mereka menghafaz bukan kerana Allah semata-mata, mungkin disebabkan permintaan keluarga atau dorongan rakan-rakan.

Bagi item 8, 9 dan 10 pula, masing-masing dengan mean 4.9167, 4.9000 dan 4.9500 dan sisih piawai .27872, .30253 dan .21978. Soalan yang berkaitan dengan dimensi sikap dan amalan, iaitu sikap dan amalan terhadap menghafaz dari awal (sejak kecil) tidak begitu dipersetujui sepenuhnya. Hal ini mungkin disebabkan tiada pendedahan awal yang diterima dalam lingkungan keluarga bagi sesetengah responden. Maksudnya tidak semua responden mempunyai latar belakang menghafaz al-Quran sejak kecil.

Seperkara yang perlu juga diberi perhatian adalah berkenaan bacaan yang betul, atau membetulkan bacaan al-Quran sebelum menghafaz. Hal ini kerana hafazan yang tidak mengamalkan bacaan yang betul adalah sukar untuk dibaiki apabila sudah dihafaz. Kajian ini mendapati item 16, 18 dan 19 masing-masing memperolehi mean 4.9000, 4.8833 dan 4.9833 dengan

sisih piawai .30253, .32373 dan .12910. dimensi sikap dan amalan terhadap bacaan yang betul masih belum sepenuhnya diterapkan dalam kalangan responden kajian. Walhal kaedah bacaan yang betul sebelum memulakan hafazan merupakan perkara asas yang perlu diberi perhatian.

Item 25 berkaitan dengan kemahuan dan keterujaan (keghairahan) untuk menghafaz dalam kalangan responden juga boleh diteliti. Hal ini kerana ada juga responden yang tidak sepenuhnya mempunyai keterujaan untuk menghafaz dengan purata 4.9833 dan sisih piawai .12910. Item ini juga berada pada dimensi amalan, iaitu masih ada responden tidak mempraktikkan keterujaan untuk menghafaz al-Quran sepenuhnya meskipun mempunyai pengetahuan dan sikap yang tinggi terhadap kepentingan keterujaan.

Seterusnya item dalam fasa semasa menghafaz juga berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan responden kajian. Hal ini dijelaskan dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Amalan Kaedah al-Ghawthāni (1997) Semasa Menghafaz al-Quran

Bil.	Item	Min	Max	Mean	Sisih Piawai
1	Saya tahu waktu yang sesuai untuk menghafaz al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
2	Saya yakin waktu yang sesuai membantu hafazan al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
3	Saya patut mengkhususkan waktu pagi untuk menghafaz al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
4	Saya memulakan hafazan ketika keadaan kosong dan tenang	5.00	5.00	5.0000	.00000
5	Saya memilih waktu yang sesuai sebelum mempraktikkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
6	Saya tahu tempat yang sesuai untuk menghafaz al-Quran	4.00	5.00	4.9333	.25155
7	Saya yakin tempat yang sesuai membantu hafazan al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
8	Saya patut mengkhususkan tempat untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000

Tahap Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz

9	Saya menghafaz di tempat yang sunyi dari gangguan	4.00	5.00	4.9000	.30253
10	Saya memilih masjid sebagai tempat untuk menghafaz al-Quran	4.00	5.00	4.9167	.27872
11	Saya tahu membaca dengan bertajwid dan berlagu membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
12	Saya yakin bacaan bertajwid dan berlagu memudahkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
13	Saya mesti membaca dengan bertajwid dan berlagu untuk hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
14	Saya membaca dengan nyaring serta bertajwid dan berlagu ketika menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
15	Saya pastikan bacaan bertajwid dan berlagu setiap kali menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
16	Saya tahu ulangan harian penting untuk kekalkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
17	Saya yakin ulangan harian membantu kemajuan hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
18	Saya percaya ulangan secara berkala banyak membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
19	Saya memperuntukkan masa hafazan setiap hari	4.00	5.00	4.7500	.43667
20	Saya menjadikan hafazan saya tersusun dan berjadual	4.00	5.00	4.9167	.27872
21	Saya tahu bacaan secara perlahan dan tenang boleh membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
22	Saya yakin hafazan secara perlahan dan tenang baik untuk hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
23	Saya percaya hafazan secara perlahan dan tenang lebih membantu	5.00	5.00	5.0000	.00000
24	Saya menghafaz secara perlahan dan tenang sedikit demi sedikit	5.00	5.00	5.0000	.00000
25	Saya menghafaz secara perlahan dan tenang kerana ia tidak membebankan	5.00	5.00	5.0000	.00000
26	Saya tahu ada ayat-ayat al-Quran yang hampir serupa pada surah tertentu	5.00	5.00	5.0000	.00000

27	Saya dapati ayat yang hampir serupa mengelirukan hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
28	Saya rasa perlukan bimbingan untuk menghafaz ayat-ayat sebegini	5.00	5.00	5.0000	.00000
29	Saya memberikan tumpuan khusus apabila berhadapan dengan ayat yang serupa	5.00	5.00	5.0000	.00000
30	Saya meminta bantuan guru untuk membimbing hafazan ayat yang serupa	5.00	5.00	5.0000	.00000
31	Saya tahu fokus pandangan halaman mushaf penting untuk menghafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
32	Saya percaya melihat halaman mushaf boleh menguatkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
33	Saya rasa dengan melihat mushaf secara kerap membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
34	Saya kerap melihat halaman mushaf yang dihafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
35	Saya melihat dan fokus pada setiap ayat dalam halaman mushaf	5.00	5.00	5.0000	.00000
36	Saya tahu memahami makna ayat yang dihafaz menguatkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
37	Saya yakin bahawa memahami makna membantu hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
38	Saya berusaha memahami maksud setiap ayat al-Quran yang dihafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
39	Saya merujuk makna ayat-ayat daripada terjemahan dan kamus	4.00	5.00	4.9000	.30253
40	Saya mencari makna setiap ayat atau surah apabila menghafaz	4.00	5.00	4.9167	.27872
N		60			

Meskipun tahap amalan kaedah hafazan secara umumnya berada pada tahap tinggi, masih ada item-item pada tahap 4 yang memerlukan penelitian lanjut. Item-item tersebut ialah item 6, 9, 10, 19, 20, 39 dan 40. Bagi item 6, 9 dan 10, soalan adalah tertumpu kepada pengetahuan, sikap dan praktis mengenai tempat yang sesuai untuk melakukan hafazan. Ternyata masih ada dalam kalangan responden tidak mengetahui kepentingan tempat dalam membantu hafazan mereka. Selain itu, besar kemungkinan sikap

dan praktis responden terhadap tempat yang telah ditetapkan oleh sekolah tidak membantu hafazan mereka.

Bagi item 19 dan 20, soalan yang diajukan berkenaan amalan pengulangan bacaan untuk menghafaz. Dalam hal ini, ternyata ada dalam kalangan responden yang tidak komited melakukan ulangan (*takrar*) pada ayat-ayat yang dihafaz. Hal ini mungkin disebabkan tidak cukup masa untuk berhadapan dengan guru al-Quran yang mempunyai masa yang amat terhad.

Bagi item 39 dan 40 pula, soalan berkaitan dengan amalan merujuk kepada makna ayat-ayat yang dihafaz. Di IMTIAZ fiqh ayat merupakan satu kemestian kepada penghafaz untuk memahami makna ayat dan pengajaran yang terdapat di dalamnya. Namun begitu, dapatan di atas menunjukkan guru masih perlu memberi perhatian dalam menekankan aspek pemahaman makna ayat bagi membantu hafazan al-Quran.

Jadual 5: Amalan Kaedah al-Ghawthāni (1997) Selepas Menghafaz al-Quran

Bil.	Item	Min	Max	Mean	Sisih Piawai
1	Saya tahu melakukan ketaatan dan menjauhi maksiat penting kepada hafiz al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
2	Saya yakin ketaatan dan menjauhi maksiat boleh menjaga hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
3	Saya percaya ketaatan dan menjauhi maksiat membantu hafazan saya lancar	5.00	5.00	5.0000	.00000
4	Saya melakukan ketaatan dan menjauhi maksiat selepas menghafaz al-Quran	5.00	5.00	5.0000	.00000
5	Saya terus istiqamah melakukan ketaatan dan menjauhi maksiat agar hafazan saya terpelihara dan kekal	4.00	5.00	4.8667	.34280
6	Saya tahu ulangkaji penting untuk mengekalkan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000
7	Saya perlu membuat ulangkaji pada setiap surah yang dihafaz	5.00	5.00	5.0000	.00000
8	Saya yakin ulangkaji perlu saya lakukan dari masa ke masa	4.00	5.00	4.9833	.12910

9	Saya membuat ulangkaji hafazan secara berterusan	4.00	5.00	4.9000	.30253
10	Saya membuat ulangkaji supaya hafazan saya bertambah baik dan kekal	5.00	5.00	5.0000	.00000
11	Saya tahu berdoa adalah usaha untuk meraih kejayaan	5.00	5.00	5.0000	.00000
12	Saya yakin berdoa boleh membantu amalan/pencapaian hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
13	Saya percaya doa dan pengharapan kepada Allah perlu untuk kebaikan hafazan saya	5.00	5.00	5.0000	.00000
14	Saya berdoa dan memohon kepada Allah agar hafazan al-Quran bertambah baik dan kekal	5.00	5.00	5.0000	.00000
15	Saya memperuntukan masa/bacaan khusus untuk berdoa kepada Allah	5.00	5.00	5.0000	.00000
N		60			

Dapatan daripada maklum balas tahap amalan kaedah hafazan selepas menghafaz, terdapat beberapa item yang masih memerlukan perhatian, meskipun secara keseluruhan, purata yang diperolehi adalah tinggi. Pertama ialah item 5, iaitu soalan mengenai amalan menjauhi maksiat bagi menjaga hafazan yang telah diperolehi dalam kalangan responden masih ada yang tidak sepenuhnya melakukan hal tersebut. Hal ini mungkin disebabkan banyaknya pendedahan di luar yang mencabar kehidupan responden, khususnya dengan kemudahan teknologi telefon pintar dan aplikasi yang canggih. Kedua ialah item 8 dan 9 berkenaan dengan ulang kaji hafazan. Masih terdapat responden yang bersikap tidak begitu sensitif akan kepentingan mengulang kaji hafazan secara berterusan. Malah responden juga tidak sepenuhnya melakukan ulang kaji secara berkala dan sebagaimana yang sepatutnya.

KESIMPULAN

Kajian ini secara umumnya mendapati tahap amalan kaedah hafazan yang disarankan oleh al-Ghawthāni (1997) adalah tinggi dalam kalangan responden kajian. Hal ini tidaklah mengejutkan kerana kebanyakan responden mencapai rekod hafazan yang cemerlang berdasarkan latar

belakang pencapaian semasa mereka, iaitu 20 juzuk dan ke atas. Selain itu, skop kajian ini juga adalah kecil dan melibatkan hanya sebuah sekolah IMTIAZ sahaja. Oleh itu, kajian lanjutan wajar dilaksanakan dengan melibatkan populasi yang lebih besar, iaitu keseluruhan IMTIAZ di Terengganu. Selain itu, pemilihan responden juga boleh diluaskan kepada pelajar menengah rendah juga untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mereka terhadap kaedah-kaedah hafazan yang disarankan oleh para sarjana tahfiz.

ACKNOWLEDGEMENTS

Pihak penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan Pentadbiran IMTIAZ Kuala Terengganu atas sokongan dan kerjasama yang diberikan semasa penyelidikan ini dijalankan.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abdul Hafiz bin Kaji Abdullah. (2004). *Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Sistematis Dan Praktikal Dalam Melahirkan Para Huffaz Yang Rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh. (1995). *Cara baru mengajar tajwid dan menghafal Al-Quran*. Kuala Lumpur.
- Abu Al-Wafa. (1999). *An-Nur al-mubin litahfiz Al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Wafa'.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2001). *Panduan bagi haiz-hafizah dan qari-qariah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Al-Bukhari, Muḥammad ibn Ismā' il Abū 'Abdullāh. (1422H). *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillāh S.A. W wa sunanihi wa Ayāmihi*. Al-Sultaniyyah: Dār Ṭuruq al-Najāh.

- Al-Ghawthāni, Yahya ‘Abd al-Razzāq. (1998). *Kayfa Tahfāz al-Qur’ān: Qawā‘id Asāsīyyah wa Ṭuruq ‘Amaliyyah*. Gaza: Dār Nūr al-Maktabāt. Salinan percuma boleh dimuat turun daripada: <http://k-tb.com/book/Quraan03768D> dan <https://islamhouse.com/ar/books/411768/>
- Al-Makki, Ibn‘ Aqīlah. (2006). *Al-Ziyādah wa al-Ihsān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*. Universiti Shāriqah: Markaz al-Buhūth wa al-Dirasat.
- Al-Muzani, Ismā‘īl bin Yaḥyā. (1998). *Mukhtaṣar al-Muzani fi Furū‘ al-Shāfi‘īyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qābisi, Abu Al-Saqr Abd Al-Aziz Ibn Uthman Ibn Ali. (1955). *Ar-Risālah al-mufaṣṣolah li ahwal al-mua‘allimin wa ahkam al-mu‘allimin wal mutáallimin*. Kaherah: Dar Ehya’ al Kutub al Arabiyyah.
- Al-Qaḥṭāni, Sā‘id bin‘Ali. (2009). *Al-Du‘ā min al-Kitāb wa al-Sunnah*. Saudi: Wizarah Shu‘ūn al-Islamiyyah wa al-Awqāf wa al-Dāwah wa al-Irshād.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Munim. (2011). *Cara Mudah Menghafaz Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Ammar Haitsam Bugis. (2012). *Penakluk Kemustahilan*. Jakarta: Republika.
- Anas Ahmad Karzun. (2006). *Warattil Al-Qurana Tartila*. Washaya Wa Tanbihat Fi At-Tilawah wa Al-Hifzh Wa Al-Muraja’ah: Jakarta.
- Anwar Fahkri bin Haji Omar. (1996). *Adab-adab bersama Al-Quran*. UKM: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Bakarman, A. A. (2005). Attitude, skill, and knowledge: (ASK) a new model for design education. *Proceedings of the Canadian Engineering Education Association (CEEA)*.
- Cresswell, J.W. (2008). *Research design: Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar.

- Entwistle, N. dan Entwistle, D. (2003). Preparing for examinations: The interplay of memorising and understanding, and the development of knowledge objects. *Higher Education Research & Development*, 22(1), 19-41.
- Fatimah Ibrahim. (2008). *Kebaikan Solat*. Kuala Lumpur: Perspektif Sains Universiti Malaya.
- Harian Metro, (2017). Lebih 300 Pusat Tahfiz tidak Berdaftar. Atas Talian: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/267548/lebih-300-pusat-tahfiz-tidak-berdaftar> Dimuat turun pada 12.3.019.
- Hayes-Roth, B., & Hayes-Roth, F. (1977). The Prominence of Lexical Information in Memory Representations of Meaning. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior*, 16(1), 119-136.
- Ibn Hajar al-‘Asqalāni, Aḥmad bin ‘Ali. (1250H). *Sharḥ Faṭḥ al-Bāri*. Jil. 9. Riyadh: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Kementerian Dalam Negeri. (2013). *Panduan Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kerlinger, F. N. (1970). *Foundations of Behavioral Research: Educational and Psychological Inquiry*. London: Holt. Reinhart and Winston.
- McMillan dan Schumacher. (1997). *Research in Education : A Conceptual Introduction*. New York: Logman.
- Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim. (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Satu kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*. Skudai, Johor Darul Ta’zim: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamad Zulkifli Abd Rahman. (2017). *Keajaiban Bahasa Al-Quran*. Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan (Edisi ke-4)*. Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yusof Ahmad. (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhaidi Mustaffa. (2010). *Hafazan Al-Quran dan Hubungan Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan Dari Tahun 1997 Hingga 2007 / Muhaidi Hj. Mustaffa*. Masters Thesis, University Of Malaya.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad. (1994). *Al-Quran dan Cara-Cara Menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran
- Muslim Ibn al-Hajaj Abu al-Hasan ak-Qushayri al-Naysaburi. (1998). *Al-Musnad al-Sahīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ilā Rasūlullāh S.A.W.* Beirut: Dar Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Norhanan binti Abdul Rahman. (2009). *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia).
- Sekaran, Uma. (2000). *Metodologi Penelitian*. Yogyakarta: Penerbit Salemba Empat.
- Syeikh Burhanuddin az-Zarnuji. (2016). *Panduan Belajar Menurut Kaedah Islam*. Terjemahan Abdul Ghani Jabal Maraqy. Kota Bharu: Jabal Maraqy Sdn. Bhd.
- Zamri bin Mat Isa. (2005). *Panduan Kecemerlangan Pelajar*. Kota Bharu: ABK Bakti Enterprise.